"The Prihatin Peladang initiative of Nafas is also in line with the commitment of the ministry to ensure the welfare of needy groups, especially from among the families of farmers, livestock rearers and fishermen, are always prioritised," the minister added. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Beluran farmers,residents receive aid from Nafas | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 18 Oct 2021 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 319 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,779 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,337 |



# Beluran farmers, residents receive aid from Nafas

**BELURAN:** The National Farmers' Organization (Nafas) on Sunday presented farmers and local residents of the district's farmers' association with RM100,000 to ease their burden due to the Covid-19 pandemic.

The 1,000 recipients received RM100 each.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee in his speech at the event expressed his appreciation to Nafas for its continued concern to the farmers as well as the local community, especially during the Covid-19 pandemic.

"In the face of the current situation where the pandemic is still not over, it is hoped that the assistance provided can to some extent help reduce the burden of recipients today.

"The Prihatin Peladang Nafas Initiative is also in line with the Ministry of Agriculture and Food Industry (Mafi) to ensure the welfare of the needy, especially among farmers, breeders and fishermen is always given priority," he said at the Prihatin Peladang Nafas Initiative event organized at the Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran.

In total, Nafas has allocated a contribution of more than RM1 million on the principles of corporate social responsibility (CSR) for the Prihatin Peladang Initiative which will benefit nearly 10,000 families who will receive between RM100 to RM200 each.

The contribution is also part of Nafas' business tithe contribution to the less fortunate among its members and the local community.

Contributions under the Prihatin Peladang initiative to help the target group, especially among farmers, livestock farmers and fishermen was implemented by Nafas in stages throughout the country beginning of this year.

The organization of this program is to show the Nafas' commitment in ensuring that profit from its business activities is shared for the benefit of farmers and those in need.

Dr Ronald in his speech said that Nafas as an institution that leads the movement of Farmers' Organizations must continue to be strengthened to become a viable business body as well as build a competent and competitive Farmers' Organization movement.

"I am confident and believe that Farmers' Organizations at all levels will continue their main function in providing quality and dynamic services as well as continue to strive to be actively involved in the entire value chain of the country's rice industry, exploring value-added and downstream activities, especially with modern and digital technology, productivity is maximized and income can be increased," he said.

According to him, this is important so that a more sustainable business model can be created to give better returns to the target group.

"I always follow the performance of the Farmers' Organizations from time to time and will support any effort to further strengthen them into a viable entity in the country's agro-food industry," he added.

Nafas' Board of Directors member, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli said almost 10,000 families nationwide have received benefits totalling RM1.01 million from the Nafas Prihatin Peladang corporate social responsibility (CSR) programme.

He said the contribution was part of the distribution of Nafas' business zakat wakalah (representative) to zakat recipients comprising members and local communities.

"Nafas is always concerned and view seriously measures to ease the burden of the needy and low-income families especially more so when the country is still facing the Covid-19 pandemic," he said.

Zainal Abidin said Nafas had also planned programmes and formulated new business models to ensure continuity.

These include taking up MAFI's proposal to be involved in its Large-Scale Smart Padi (Smart SBB) programme, he said.

"Through the Smart SBB approach, Nafas can boost the income of padi farmers by increasing production.

"This means, Nafas had and will move from the traditional business model such as supplying fertilisers, pesticides and others to the aspect of plantation and also Smart SBB," he said.



Dr Ronald presenting the donation to one of the recipents on Sunday.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nafas sumbang RM100,000 kepada ahli PPK, penduduk | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 18 Oct 2021 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 16 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 221 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,757 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,272 |



# Nafas sumbang RM100,000 kepada ahli PPK, penduduk



RONALD (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada seorang penerima Prihatin Peladang di PPK Beluran semalam.

**BELURAN** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) semalam menyampaikan sumbangan Prihatin Peladang sebanyak RM100,000 kepada peladang serta penduduk setempat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

Sumbangan itu disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee kepada 1,000 orang yang menerima sebanyak RM100 setiap seorang.

Penyampaian sumbangan tersebut juga adalah sebahagian daripada agihan wakalah zakat perniagaan Nafas kepada asnaf yang terdiri daripada ahli peladang dan masyarakat setempat.

Ronald berkata, beliau menzahirkan penghargaan kepada Nafas di atas keprihatinan kepada ahli-ahli peladang serta penduduk setempat ketika pandemik Covid-19.

"Inisiatif Nafas ini selari dengan komitmen Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi memastikan kebajikan golongan yang memerlukan khususnya dalam kalangan ahli keluarga petani, penternak dan nelayan sentiasa diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata, Nafas harus diperkasakan lagi supaya dapat berdaya maju sekali gus membina pergerakan Pertubuhan Peladang.

"Saya yakin dan percaya, Pertubuhan Peladang di semua peringkat akan meneruskan fungsi utamanya dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan dinamik serta akan terus berusaha terlibat secara aktif dalam keseluruhan rantaian nilai industri padi negara.

"Meneroka aktiviti nilai tambah dan hiliran khususnya dengan teknologi moden dan digital agar produktiviti dimaksimumkan serta pendapatan dapat ditingkatkan," ujarnya.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2021 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Nafas sumbang RM100,000 kepada ahli PPK, penduduk



RONALD (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada seorang penerima Prihatin Peladang di PPK Beluran semalam.

**BELURAN** – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) semalam menyampaikan sumbangan Prihatin Peladang sebanyak RM100,000 kepada peladang serta penduduk setempat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

Sumbangan itu disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee kepada 1,000 orang yang menerima sebanyak RM100 setiap seorang.

Penyampaian sumbangan tersebut juga adalah sebahagian daripada agihan wakalah zakat perniagaan Nafas kepada asnaf yang terdiri daripada ahli peladang dan masyarakat setempat.

Ronald berkata, beliau menzahirkan penghargaan kepada Nafas di atas keprihatinan kepada ahli-ahli peladang serta penduduk setempat ketika pandemik Covid-19.

"Inisiatif Nafas ini selari dengan komitmen Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi memastikan kebajikan golongan yang memerlukan khususnya dalam kalangan ahli keluarga petani, penternak dan nelayan sentiasa diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata, Nafas harus diperkasakan lagi supaya dapat berdaya maju sekali gus membina pergerakan Pertubuhan Peladang.

"Saya yakin dan percaya, Pertubuhan Peladang di semua peringkat akan meneruskan fungsi utamanya dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan dinamik serta akan terus berusaha terlibat secara aktif dalam keseluruhan rantaian nilai industri padi negara.

"Meneroka aktiviti nilai tambah dan hiliran khususnya dengan teknologi moden dan digital agar produktiviti dimaksimumkan serta pendapatan dapat ditingkatkan," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# NAFAS sumbang RM100,000 bantu ahli peladang, penduduk Beluran

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyampaikan sumbangan Prihatin Peladang sebanyak RM100,000 kepada ahli peladang serta penduduk setempat di Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran, Sabah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sumbangan berkenaan disampaikan kepada 1,000 orang yang menerima RM100 setiap seorang pada Ahad.

"Dalam mendepani situasi semasa di mana pandemik Covid-19 yang masih belum berakhir ini, adalah diharapkan bantuan yang disampaikan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban para penerima.

"Inisiatif Prihatin Peladang NAFAS ini juga adalah selari dengan komitmen Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan kebajikan golongan yang memerlukan khususnya dalam kalangan ahli keluarga petani, penternak dan nelayan sentiasa diberi keutamaan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, sumbangan tersebut dilaksanakan oleh NAFAS secara berperingkat di seluruh negara bermula awal tahun ini bagi membantu golongan sasar khususnya para petani, penternak dan nelayan.

Menurutnya, program anjuran Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran itu menunjukkan komitmen NAFAS dalam memastikan setiap keuntungan daripada aktiviti perniagaan NAFAS dikongsi semula bagi manfaat ahli peladang serta golongan yang memerlukan.

Katanya, NAFAS sebagai sebuah institusi yang menerajui pergerakan Pertubuhan Peladang mesti terus diperkasakan menjadi badan perniagaan berdaya maju sekali gus membina pergerakan organisasi kompeten dan berdaya saing.

"Saya yakin dan percaya, Pertubuhan Peladang di semua peringkat akan meneruskan fungsi utamanya dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan dinamik serta terus berusaha terlibat secara aktif dalam keseluruhan rantaian nilai industri padi negara, meneroka aktiviti nilai tambah dan hiliran khususnya berteknologi moden dan digital agar produktiviti dimaksimumkan serta pendapatan dapat ditingkatkan," ujarnya.



Ronald (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sumbangan pada Ahad.

Beliau berkata, NAFAS telah memperuntukkan sumbangan lebih daripada RM1 juta atas prinsip tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi program Prihatin Peladang.

Ujarnya, ia memberi manfaat kepada hampir 10,000 keluarga yang akan menerima sumbangan dalam bentuk wang tunai antara RM100 hingga RM200 setiap penerima.

Jelas beliau, ia penting supaya model perniagaan yang lebih lestari diwujudkan bagi memberi pulangan lebih baik kepada golongan sasar.

"Saya sentiasa mengikut prestasi Pertubuhan Peladang dari masa ke masa dan menyokong apa-apa usaha bagi memperkasakan Pertubuhan Peladang menjadi sebuah entiti berdaya maju dalam industri agromakanan negara," jelasnya.

Turut hadir ialah Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Labuk, Samad Jambri; Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razalli serta Pengarah Bisnes Sektor Awam NAFAS, Saripol Baharin Karim.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2021 | HARAKAH | MUAFAKAT NASIONAL | H10 |




Program menanam anak pokok bakau di Teluk Rubiah, Kuala Gula.

# Perak tanam 1 juta anak pokok bakau

**IPOH:** Program Pemuliharaan Paya Bakau sebagai habitat pembiakan ikan di Perak dilaksanakan bagi memulihara sumber sedia ada dan menambah stok demi kepentingan masa hadapan.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, Razman Zakaria berkata, hutan paya bakau merupakan tempat pembiakan pelbagai jenis hidupan laut seperti ketam, ikan, udang dan lain-lain habitat.

Katanya, kehidupan dan rezeki masyarakat setempat di pinggir pantai juga bergantung kepada sumber semulajadi dari hutan paya bakau.

"Sehingga sekarang 1 juta anak pokok bakau telah ditanam di Perak melalui agensi Jabatan Perhutanan Negeri dengan kerjasama agensi lain termasuk Jabatan Perikanan," katanya pada program menanam anak pokok bakau di Teluk Rubiah, Kuala Gula baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Perikanan Perak Noraishah Hashim, Ketua Daerah Perikanan Daerah Kerian Azmi Mohd Zain, Ketua Penolong Pengarah Silvikultur dan Biologi Hutan Sahiburahman Ahmad dan Pegawai Hutan Daerah Larut Matang Khairil Sarip.

Razman juga berkata, hutan paya bakau merupakan ekosistem unik yang menjadi habitat penting kepada pelbagai flora dan fauna.

Kata beliau paya bakau juga berperanan penting sebagai benteng untuk memecah dan menahan pukulan ombak yang kuat dari laut.

"Hutan ini juga berupaya mengawal dan melindungi kualiti air di kawasan yang terlibat dengan pasang surut.

"Menyedari hakikat ini satu program pemuliharaan paya bakau sebagai habitat pembiakan ikan. Bukan sahaja sebagai pemuliharaan dan peningkatan biodiversiti ekosistem malahan turut menyahut seruan Sultan Perak mencapai sasaran kempen penanaman 100 juta pokok," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2021 | KOSMO | K2 | 29 |



DR. ARIFIN ABDU

Kampus

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

# UPM lestari pertanian bandar, ternak tilapia



PARA penghuni Kolej Canselor, UPM mencuci tangki terpakai untuk digunakan dalam penternakan ikan tilapia merah yang dapat memberikan nilai tambah dan pengalaman berguna kepada mereka pada masa depan.

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) melalui entiti Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) terpanggil untuk melestarikan konsep pertanian bandar atau pertanian moden yang sepatutnya diamalkan oleh komuniti bandar di negara ini.

Cetusan idea itu mengambil kira penglibatan staf dan pelajar pusat pengajian tinggi berkenaan.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni universiti berkenaan, Prof. Dr. Arifin Abdu, bidang pertanian adalah cabang penting bagi UPM dan HEPA yang menekankan kepentingan pertanian dalam kampus, selain menjadi pusat rujukan pertanian setempat.

"Terdapat 10 kolej kediaman di UPM dan masing-masing mempunyai tapak untuk menjalankan aktiviti pertanian. Tanpa mengira latar belakang program ijazah, semua pelajar UPM mempunyai peluang untuk merasa sendiri bagaimana untuk bercucuk tanam serta menuai hasilnya.

"Setiap kolej kediaman juga menamakan kumpulan atau tema projek dan menjenamakan produk kelestarian pertanian masing-masing," katanya.

Menurutnya, salah satu peserta program, Kolej Canselor (KC) memulakan projek penternakan ikan tilapia merah di kawasan lapang dengan mengamalkan konsep kelestarian alam sekitar serta menggunakan barangan terpakai.

Bagi tujuan itu, satu jawatankuasa khas diwujudkan oleh Majlis Perwakilan Kolej Canselor dan diletakkan di bawah portfolio Naib Presiden Hal Ehwal Warga dan Pertanian bagi memperkasa agenda tersebut.

Pengurusan Kolej Canselor juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM10,000 bagi tujuan pembiayaan projek kelestarian pertanian yang diberi nama KC Agro.

"Jawatankuasa ini dipantau oleh pihak pengurusan kolej bagi memastikan projek dapat direalisasikan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.



HASIL daripada ternakan moden yang diusahakan pelajar UPM dijual kepada pelanggan yang berminat.

Aktiviti penternakan ikan tilapia merah ini dijalankan bermula Januari lalu menggunakan tangki terpakai yang terdapat di kawasan kolej.

"Pada peringkat permulaan, hanya sebuah tangki digunakan bagi anak ikan tilapia merah. Setelah ikan-ikan itu semakin membesar, tiga tangki tambahan digunakan untuk ternakan.

"Pelajar-pelajar yang terlibat telah menjalani proses pembelajaran *in-house training* yang sangat berguna," katanya.

Mereka didedahkan dengan ilmu penternakan ikan dari peringkat awal.

Ini termasuk penyediaan kolam, penjagaan kualiti air, pemilihan benih ikan, proses pemakanan, penukaran air, pengkelasan saiz ikan, perakaunan dan seterusnya menuai hasil dengan memasarkan ikan-ikan tersebut.

Jualan pertama ikan dibuat pada 3 Ogos lalu dengan hasil tangkapan 20 kilogram (kg) dan jualan kedua pula 21 dan 22 Ogos berjumlah 30kg.

Bagi memastikan projek pertanian dan penternakan ini sentiasa berada dalam keadaan terbaik, jadual kerja harian pelajar terlibat telah disediakan.

Catatan-catatan penting diambil untuk rujukan mereka bagi memastikan semuanya berjalan lancar.

Selain memartabatkan agenda kelestarian pertanian yang termaktub dalam Pelan Strategik HEPA 2021-2023, pelaksanaan projek penternakan ikan tilapia merah ini pada asasnya bertujuan untuk memberi pendedahan dan ilmu pertanian serta penternakan kepada pelajar.

Ini khususnya bagi pelajar yang tinggal di Kolej Canselor, selain dapat menerapkan sesuatu yang berbeza daripada apa yang diperoleh dalam bilik kuliah.

Pengalaman sepanjang mengendalikan projek ini memberikan satu ilmu pengetahuan yang amat bermakna kepada pelajar.

Proses pembelajaran yang 100 peratus berbeza daripada program pengajian formal yang diikuti di kampus memberikan pengalaman berharga kepada semua yang terlibat.

Ilmu yang diperoleh sepanjang proses pertanian lain juga amat bermakna.

Ia boleh memberi nilai tambah kepada pelajar apabila bekerja nanti untuk dimanfaatkan dengan masyarakat di luar sana.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2021 | KOSMO | K2 | 19 |



Kosmo!

# k2

*Menyelami Hidup Anda*

ISNIN

# Ladang teh atas petak sawah

**DIUSAHAKAN** sejak 12 tahun lalu di atas tanah berkeluasan 2.4 hektar milik pasangan Dahlan Samingan dan Siti Habsah Mohamed merupakan satu-satunya ladang teh lemon myrtle di Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2021 | KOSMO | K2 | 20 |







Rencana Utama

Oleh KHAIRIYAH HANAFI



DAHLAN dan isterinya, Siti Habsah mengusahakan ladang teh lemon myrtle yang mampu hidup dalam iklim subtropika sejak tahun 2010.

# Sekinchan hab tanaman teh lemon myrtle

PERJALANAN yang mengambil masa hampir dua jam dari Kuala Lumpur ke Sekinchan, Selangor terasa berbaloi tatkala melihatkan keindahan sawah padi yang luas terbentang di bawah langit nan biru.

Berpandukan aplikasi Waze, kenderaan yang dipandu penulis tiba di hadapan ladang teh lemon myrtle milik pasangan suami isteri, Dahlan Samingan, 56, dan Siti Habsah Mohamed, 53, yang terletak di Jalan Tali Air Enam, Sekinchan, Selangor tepat pada waktu dijanjikan.

Hampir tidak percaya kami dibuatnya apabila melihat pokok teh yang hidup subur di celah-celah tanaman padi. Mana tidaknya, di negara ini, Cameron Highlands merupakan satu-satunya kawasan dan cukup sinonim dengan tanaman teh.

Begitupun tanpa disangka, tanaman teh juga sebenarnya ada ditanam di Sekinchan yang begitu terkenal dengan tanaman padi.

Lebih membanggakan apabila tanaman yang telah diusahakan sejak 12 tahun lalu di atas tanah berkeluasan 2.4 hektar milik pasangan ini merupakan satu-satunya teh lemon myrtle yang terdapat di Malaysia.

Disebabkan itu, tidak hairanlah jika ladang teh ini pernah tular dan menjadi antara tumpuan pengunjung ke kawasan tersebut sekitar pertengahan tahun lalu sebelum ia ditutup atas faktor tertentu.

"Sewaktu pertama kali suami saya mengusahakan tanaman teh lemon myrtle, ada dalam kalangan kenalan yang meragui hasrat tersebut dan bimbang usaha tersebut tidak membuahkan hasil.

"Alhamdulillah, sekarang ia sudah menjadi kenyataan," kata Siti Habsah tersenyum ramah.

Teh lemon myrtle merupakan tanaman yang berasal dari kawasan subtropika di Queensland, Australia dan menjadi tanaman industri terpenting di negara terbabit.

Bagaimanapun, siapa sangka pasangan suami isteri ini berjaya menanam tanaman ini dan hidup subur sehingga ke hari ini sejak tahun 2010.

Menurut Dahlan, teh lemon myrtle memerlukan suhu yang panas untuk hidup.

"Di Australia, teh ini ditanam di kawasan panas terutamanya yang berdekatan dengan Gold Coast dan Brisbane, tetapi kebiasaannya terganggu dengan empat musim.

"Berbeza di Malaysia yang cuaca di sini hampir sepanjang tahun panas terik. Disebabkan itu, ia mampu hidup subur kerana didedahkan dengan cahaya yang mencukupi sehingga pemilik di sana hairan melihat kesuburan tanaman di sini," ujarnya.

Mula ditanam di tanah milik Dahlan pada tahun 2010, pada waktu itu petani ini merupakan pelopor teh lemon myrtle di Malaysia dan negara-negara luar yang lain memandangkan tiada lagi mana-mana individu yang mengusahakan tanaman ini selain di negara asalnya, Australia.



TUMBUHAN ini mempunyai jangka hayat sehingga 50 tahun bergantung kepada tahap penjagaan.

Bercerita lanjut, menurut Dahlan, dia diperkenalkan dengan tanaman ini selepas salah seorang kenalannya yang merupakan seorang ahli perniagaan membawa benih daun teh lemon myrtle dari Australia.

Disebabkan tiada kawasan untuk menanam tanaman pelbagai fungsi itu, Dahlan menawarkan tanah miliknya untuk diusahakan.

Sekitar tahun 2014, dia kemudian berkelana ke Australia bagi mempelajari kaedah tanaman dan penjagaan teh lemon myrtle selama seminggu.

Biarpun tidak mempunyai pengalaman luas dalam tanaman teh jenis itu, selain tanaman padi dan sayur-sayuran kampung, namun bapa kepada tujuh orang cahaya mata ini berjaya membuktikan tiada apa yang mustahil untuk dilakukan.

Memegang kata-kata pertanian adalah perniagaan yang sering disebut-sebut kerajaan, Dahlan berazam untuk menanam tanaman yang boleh meningkatkan ekonomi dan taraf hidup keluarganya.

"Di peringkat awal, memang saya tidak tahu apa-apa mengenainya kerana sebelum ini saya hanyalah petani padi dan sayur-sayuran.

"Tahun pertama dan kedua adalah satu fasa yang begitu mencabar. Pada waktu itu, tanaman ini berada di bawah pemantauan MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) dan Jabatan Pertanian kerana ia merupakan salah satu daripada lima tanaman berpotensi di Malaysia.

"Alhamdulillah, tanaman ini semakin membuahkan hasil dan hidup subur di tengah-tengah sawah padi sehingga ke hari ini," jelasnya.

Menurut Dahlan lagi, pertama kali membiakkan tanaman tersebut, dia menanam 6,000 keratan batang pokok teh lemon myrtle pada setiap satu hektar tanah miliknya.

Ia kemudian disemai selama empat bulan yang mana sepanjang tempoh

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2021 | KOSMO | K2 | 21 |

**INFO**

**Lemon myrtle**

- Lemon myrtle atau nama saintifiknya backhousia citriodora merupakan tanaman yang tergolong dalam famili Myrtaceae
- Berasal dari kawasan subtropika di Queensland, Australia
- Ketegori tanaman hiasan kerana daunnya yang cantik dan bunga putih berbau harum
- Daunnya menghasilkan minyak pati tinggi. kandungan sitral iaitu antara 90 hingga 98 peratus

tersebut, benih dijaga rapi dengan semburan air diletakkan antara pokok bagi merangsang pertumbuhan akar.

Tidak sampai setahun bercucuk tanam, teh lemon myrtle yang diusahakan Dahlan sudah boleh dituai.

Menariknya mengenai tanaman ini, ia berbeza dengan tanaman-tanaman lain, selain tidak perlu diracun dengan semburan kimia memandangkan sifat daun teh lemon myrtle itu sendiri yang anti-fungus.

"Tanaman ini boleh bertahan antara 35 hingga 50 tahun bergantung pada penjagaannya. Untuk tempoh setahun, tanaman ini boleh dituai sehingga tiga kali yang mana setiap kali dipetik, daunnya akan tumbuh semula sepanjang hayatnya.

"Biasanya, daun yang dituai akan diambil tiga kaki dari tanah bagi memastikan ia benar-benar matang untuk menghasilkan produk terutamanya teh," tambahnya.

Disebabkan ladang tersebut dibuat di atas tanah sawah, dia menebus tanah tersebut menggunakan sistem pengaliran bagi membolehkan aliran air keluar dengan betul bagi mengelakkan banjir.

Jelasnya, ladang teh miliknya itu mampu menghasilkan 30 tan daun teh dalam tempoh setahun untuk dieksport ke luar negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman dan beberapa negara lain.




DAHLAN menunjukkan tekstur bentuk daun teh lemon myrtle yang ditanam di kebunnya.

Berkesempatan untuk menghidu daun pokok yang dipetik di ladang milik Dahlan dan isteri, tidak semena-mena penulis terasa seperti berada di pusat rawatan spa.

Mana tidaknya, daun ini berbau harum tidak ubah seperti gabungan buah lemon dan serai.

Tidak keterlaluan jika dikatakan, sekali hidu, aromanya menusuk masuk ke dalam rongga kepala sehingga mampu membangkitkan perasaan tenang.

Akui Dahlan, teh yang ditanamnya itu berbeza dengan teh-teh yang biasa ditanam di negara ini. Selain boleh diminum, ia juga mempunyai bau yang harum dan boleh diguna pakai dalam pelbagai industri lain.

"Di Malaysia, kita memang terkenal dengan tanaman teh di Cameron Highlands, tetapi teh di sini berbeza dengan di sana kerana ia berbau harum seakan serai dan limau purut.

"Disebabkan itu juga, selain digunakan dalam penghasilan teh, daun teh lemon myrtle ini juga mempunyai pelbagai fungsi lain dan boleh dijadikan lebih 90 jenis produk.

"Antaranya adalah dalam pembuatan aiskrim, biskut, ubat-ubatan, pewangi dan bahkan pucuk daun tersebut juga boleh dijadikan sebagai ulam," kongsinya.



SETIAP tahun, ladang teh milik Dahlan mampu menghasilkan 30 tan daun teh untuk dieksport.



DR. JUJU NAKASHA

# Nilai tinggi daun teh lemon myrtle

TEH lemon myrtle yang kaya dengan kandungan sitral didakwa boleh dijadikan sebagai minuman, makanan kesihatan, perisa makanan dan pati minyak.

Di negara-negara luar terutamanya Australia, ia menjadi tanaman industri terpenting dan mempunyai nilai ekonomi yang sangat tinggi sehingga menyebabkan nilai permintaan lebih tinggi daripada pengeluaran.

Menurut Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Dr. Juju Nakasha Jaafar, nilai tanaman ini terletak pada daunnya yang mengandungi minyak pati berbau seperti lemon dan dipercayai bagus untuk manusia.

"Tumbuhan ini sering digunakan di dalam produk minuman iaitu teh dan juga sebagai pati minyak aroma.

"Daunnya sama ada segar atau kering boleh digunakan sebagai penambah perisa di dalam masakan, minuman dan juga sebagai pati minyak.

"Bagaimanapun, kandungan bahan di dalam daunnya juga bergantung kepada beberapa faktor seperti amalan atau praktis di ladang oleh petani itu sendiri seperti jenis baja digunakan, kekerapan membaja, kekerapan pemangkasan dan faktor geografi," terangnya.

Tambahnya, secara umumnya, terdapat bukti saintifik tentang kebaikan pati minyak aroma lemon myrtle selepas kajian yang dibuat di makmal.

Antaranya terdapat bioaktiviti pada pati tanaman ini yang bertindak sebagai antibakteria dan antifungal.

Kebiasaannya, pemprosesan daun tanaman ini dilakukan dengan segera bagi meminimumkan kehilangan bahan fitokimia di dalam daunnya selepas dituai.